

# Karnival Jom Masuk U di Kuantan Sabtu ini

Um (Helo Kuantan) Kuantan 2/3/11 nr 20

KUANTAN 1 Mac – Orang ramai khususnya lepasan sekolah yang ingin mendapatkan maklumat berhubung peluang pendidikan tinggi di negara ini boleh menghadiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah di sini bermula 5 Mac ini.

Karnival jelajah seluruh negara bertemakan Jom Masuk U itu adalah anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran akan berlangsung selama dua hari di daerah ini.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, dijangkakan sebanyak 120 institusi pengajian tinggi awam dan swasta, agensi pembiayaan termasuk Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) turut menyertai karnival tersebut.

Menurut beliau, tahun ini merupakan kali ketiga UMP menjadi penganjur bersama karnival iaitu penganjuran kali ketujuh program itu sejak 2005.

“Matlamat utama karnival tersebut bagi mendapatkan informasi tepat

mengenai peluang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi, politeknik dan kolej komuniti, maklumat akreditasi serta bentuk pembiayaan bagi pemohon terdiri daripada lepasan sekolah atau setaraf dengannya.

“Pemohon yang berhasrat mendapatkan tempat pengajian juga berpeluang menggunakan permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi melalui aplikasi dalam talian,” katanya dalam satu kenyataan, di sini baru-baru ini.

Pelbagai aktiviti menarik dirancang sepanjang karnival tersebut yang menyasarkan pengunjung sehingga 20,000 orang.

Antara aktiviti tersebut ialah pameran pendidikan, maklumat kemasukan, kuiz Jom Masuk U, forum, cabutan bertuah, persembahan kebudayaan, pertandingan kuiz serta khidmat bimbingan dan kaunseling.

Majlis penutup dijangka disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 2 April depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Daing Nasir berkata, universiti itu juga membuka ruang pameran untuk

menyampaikan maklumat dan program pengajian ditawarkan kemasukan penuntut untuk sesi 2011/2012 bagi program pengajian diploma dan ijazah pada Jun dan September ini.

“UMP merupakan institusi pengajian tinggi pertama menawarkan program kejuruteraan ijazah berkembar dalam bidang mekatronik yang diperkenalkan pada tahun lalu.

“Program terkini iaitu dalam bidang automotif diadakan dengan kerjasama institusi di Jerman,” katanya.

Lebih menarik, katanya, penuntut yang mengikuti program itu akan memperoleh dua ijazah akademik yang dikeluarkan oleh UMP dan institusi di Jerman apabila tamat pengajian kelak.

Lepasan matrikulasi, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan diploma kejuruteraan yang mendapat keputusan cemerlang dipelawa mengikuti program yang ditawarkan bagi kemasukan September ini.

Selain itu, katanya, UMP turut menawarkan dua program baru iaitu Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Teknologi Makanan dan Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Teknologi Bahan.